



NEGERI SABAH

JPAN: 1000-5/3/Jld.2/(57)

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL.1/2009

PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN CUTI BERSALIN PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan berhubung penambahbaikan kemudahan Cuti Bersalin kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri selaras dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia Bilangan 5 Tahun 2009.

LATAR BELAKANG

2. Kemudahan Cuti Bersalin diperuntukkan kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri selama 60 hari yang dikira mulai dari tarikh pegawai bersalin. Pegawai hendaklah mengemukakan perakuan bersalin dan permohonan cuti kepada Ketua Jabatan sepertimana yang dijelaskan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Awam Negeri Bil 1/1998 bagi tujuan diluluskan Cuti Bersalin.

PELAKSANAAN

3. Penambahbaikan kemudahan Cuti Bersalin kepada pegawai Perkhidmatan Awam adalah seperti berikut:
 - 3.1 pegawai boleh menggunakan Cuti Bersalin lebih awal dari tarikh bersalin iaitu pada bila-bila masa dalam tempoh 14 hari dari tarikh dijangka bersalin;
 - 3.2 pegawai perlu mengemukakan dokumen sokongan daripada hospital / klinik Kerajaan atau swasta yang mengesahkan tarikh dijangka bersalin bagi membolehkan Ketua Jabatan meluluskan permohonan Cuti Bersalin dengan menggunakan borang seperti di Lampiran surat pekeling perkhidmatan ini;
 - 3.3 tempoh Cuti Bersalin yang diambil lebih awal dari tarikh dijangka bersalin ini adalah termasuk di dalam jumlah 60 hari Cuti Bersalin yang diperuntukkan kepada pegawai;

- 3.4 kemudahan Cuti Bersalin yang diambil lebih awal ini disediakan sebagai suatu pilihan kepada pegawai. Pegawai yang tidak berhasrat menggunakan kemudahan Cuti Bersalin lebih awal boleh menggunakan Cuti Bersalin tertakluk kepada kaedah sedia ada iaitu bermula dari tarikh pegawai bersalin sepertimana yang dijelaskan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Awam Negeri Bil. 1/1998 atau pindaannya dari semasa ke semasa; dan
- 3.5 Ketua Jabatan hendaklah memastikan kemudahan Cuti Bersalin yang diambil lebih awal ini direkod di dalam Buku Perkhidmatan pegawai.

TARIKH KUATKUASA

4. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **01 Mei 2009**.

PEMAKAIAN

5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH'



(**SUKARTI BIN WAKIMAN**)
Setiausaha Kerajaan Negeri

Jabatan Ketua Menteri
88502 KOTA KINABALU

Tarikh : 25 Mei 2009

s.k. Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri
88595 KOTA KINABALU

Pengarah Audit
Jabatan Audit
88990 KOTA KINABALU

Diedarkan kepada :
Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Negeri
Semua Ketua Pengurusan Kuasa Tempatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil